

**PBS: Henrynus Dijangka Umum Kemungkinan Cabar Ongkili  
Bernama  
2 Oct, 2013**

KOTA KINABALU, 2 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Henrynus Amin dijangka mengumumkan tidak lama lagi sama ada beliau menerima pencalonan bagi jawatan timbalan presiden untuk menentang Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dalam pemilihan parti 23 Okt ini.

Ongkili merupakan penyandang jawatan itu di bawah kuota Bumiputera bukan Islam.

Henrynus berkata beliau akan bertemu beberapa pemimpin bahagian dan perwakilan sebelum membuat keputusan muktamad.

"Saya menerima 20 pencalonan dan layak bertanding jawatan timbalan presiden PBS. Kami mempunyai masa sehingga 8 Okt untuk menerima pencalonan. Saya akan umumkan tidak lama lagi," katanya kepada Bernama di sini Rabu.

Henrynus diminta mengulas pengumuman pengerusi jawatankuasa pemilihan PBS Datuk Johnny Mositun semalam berhubung pencalonannya bagi jawatan nombor dua parti itu.

Mositun dipetik sebagai mengesahkan bahawa Ongkili, yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dicabar Henrynus. Ongkili, yang menang tanpa bertanding dalam pemilihan parti sebelum ini, mendapat 32 pencalonan manakala Henrynus memperoleh pencalonan daripada 20 bahagian.

Mositun turut mengumumkan bahawa Timbalan Ketua Menteri dan pengasas PBS Tan Sri Joseph Pairin Kitingan menang tanpa bertanding sebagai presiden parti selepas pencalonan ditutup pada Isnin.

Henrynus berkata beliau bersetuju dengan istilah 'meremajakan kepimpinan', dan menambah terdapat keperluan untuk menyuntik darah muda ke dalam PBS bagi meremajakan parti.

"Bagaimanapun, kami berpendapat Tan Sri Presiden (Pairin) harus kekal buat masa ini selama mana yang difikir perlu.

"Saya bertanding jawatan timbalan presiden sebagai respons kepada gesaan akar umbi ke arah pembaharuan dan transformasi parti. Kami berharap untuk membina semula PBS, memulihkan semula sokongan masyarakat dan memenangi semula kawasan pilihan raya yang terlepas ke tangan pembangkang," katanya.

Henrynus berkata pemilihan parti sangat penting kerana memberi peluang kepada pemimpin akar umbi PBS untuk memilih pemimpin yang mereka mahu menerusi pemilihan parti.

"Tiada pakatan sesama calon. Semuanya adalah satu pasukan dan dengan bertanding jawatan, kami sekadar melaksanakan hak untuk dipilih sebagai pemimpin," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982579>

